

ANALISIS DATA DAN
DAPATAN KAJIAN

BAB 4

4.1 Pendahuluan

Bab ini akan membincangkan jawapan yang diperolehi dari hasil penyelidikan berhubung kesedaran MSC di kalangan pelajar sekolah menengah yang telah dijalankan di sepuluh buah sekolah yang meliputi kawasan bandar dan luar bandar di Kelantan. Hasil kajian akan dianalisa dan akan diterangkan samaada dalam bentuk jadual mahupun graf.

Perbincangan berhubung dengan hasil kajian akan dianalisa dan dibahagikan kepada dua bahagian iaitu:

- a. Perbincangan berbentuk deskriptif berhubung dengan latar belakang pelajar sekolah menengah di kawasan bandar dan luar bandar.
- b. Analisis data kajian – bahagian ini membincangkan kaji selidik yang telah di buat bagi mencapai objektif kajian seperti yang diutarakan dalam bab satu. Ia meliputi tiga bahagian iaitu bahagian A (MSC dan Anda) berkenaan latar belakang projek mega MSC, aplikasi perdana *MyKad*, *E-Kerajaan*, *TelePerubatan* dan *Sekolah Bestari* serta mengetahui tanggapan responden terhadap MSC. Bahagian B (Implementasi Kerajaan) iaitu tentang penggunaan maklumat dan telematik, k-ekonomi, polisi celik ICT, laman web kerajaan dan tanggapan mereka terhadap perkembangan '*On-Line*' di Malaysia, manakala bahagian C (maklumat umum) berkenaan produk media dan ICT khususnya komputer serta tujuannya di kalangan pelajar sekolah menengah di kawasan bandar dan luar bandar di Kelantan serta mengenal pasti pengetahuan umum responden tentang projek MSC. Ia juga akan melihat tanggapan pelajar sekolah bagaimana MSC memberi manfaat kepada mereka dari segi sosial dan ekonomi. Akhir sekali analisis kajian akan menyenaraikan cadangan-cadangan yang diberikan oleh responden untuk


mempertingkatkan pengetahuan mengenai Koridor Raya Multimedia di kalangan masyarakat.

4.2 Latar Belakang Responden

4.2.1 Latar belakang demografik pelajar sekolah menengah

Latar belakang pelajar sekolah menengah kawasan bandar dan luar bandar meliputi nama sekolah, tahap atau tingkatan, aliran, jantina, umur, etnik, serta taraf sosioekonomi ibu bapa.

Rajah 4.1: Bilangan responden mengikut sekolah




Petunjuk	Nama Sekolah	Kawasan
1	Maktab Sultan Ismail	Bandar
	SMK Chabang Empat	Luar Bandar
2	SMK Kota Bharu	Bandar
	SMK Geting	Luar Bandar
3	SMK Kota	Bandar
	SMK Kampung Laut	Luar Bandar
4	SMK Kubang Kerian (1)	Bandar
	SMK Sungai Pinang	Luar Bandar
5	SMK Putera	Bandar
	SMK Tumpat	Luar Bandar

Merujuk rajah 4.1, bagi kawasan luar bandar, SMK Tumpat mencatatkan responden tertinggi yang terlibat dalam kajian ini iaitu sebanyak 30.0%, diikuti SMK Geting 20.7% responden, SMK Sungai Pinang 20.0% responden, SMK Chabang Empat


18.0% responden dan SMK Kampung Laut sebanyak 11.3%. Bagi kawasan bandar pula, SMK Putera mencatatkan responden tertinggi yang terlibat dalam kajian ini iaitu sebanyak 25.3%, diikuti SMK Kota Bharu dan SMK Kubang Kerian (1) masing-masing mencatatkan sebanyak 24.7%. Manakala Maktab Sultan Ismail mencatatkan 17.3% responden dan akhir sekali SMK Kota sebanyak 8.0% responden.

Rajah 4.2 : Taburan pelajar sekolah menengah mengikut tahap




Taburan pelajar sekolah menengah mengikut tahap (rajah 4.2) menunjukkan pelajar tingkatan 5 di kawasan bandar dan luar bandar yang terlibat dalam kajian ini adalah lebih ramai bilangannya berbanding lain-lain tahap iaitu 44.7% bagi kawasan luar bandar manakala kawasan bandar ialah 34.7% responden. Tempat kedua bagi kawasan luar bandar adalah didominasi oleh pelajar tingkatan 4 manakala kawasan bandar didominasi oleh pelajar tingkatan 6 Atas iaitu seramai 32.7% responden. Tempat ketiga bagi kawasan luar bandar ialah pelajar tingkatan 6 Atas manakala bagi kawasan bandar di sertai oleh pelajar tingkatan 4. Tingkatan 6 bawah mencatatkan responden paling rendah bagi kedu-dua kawasan iaitu seramai 0.7% responden bagi kawasan luar bandar dan 2.0% responden bagi kawasan bandar.

Rajah 4.3 : Taburan pelajar sekolah menengah mengikut aliran




Pelajar sekolah menengah bagi aliran sains (rajah 4.3) di kedua-dua kawasan lebih ramai terlibat dalam kajian ini berbanding lain-lain aliran. Bagi aliran sains kawasan luar bandar mencatatkan sebanyak 56.7% responden manakala kawasan bandar sebanyak 42.7% responden. Aliran Sastera di tempat yang kedua iaitu 26.7% bagi kawasan luar bandar dan 30.0% bagi kawasan bandar. Tempat ketiga adalah aliran Perdagangan iaitu 14.7% bagi kawasan luar bandar manakala 16.7 bagi kawasan bandar. Lain-lain aliran pula di tempat yang keempat iaitu 2.0% bagi kawasan luar bandar diikuti 10.0% bagi kawasan bandar. Bagi aliran vokasional pula hanya pelajar di kawasan bandar sahaja yang terlibat iaitu sebanyak 0.7%.

Rajah 4.4 : Taburan pelajar sekolah menengah mengikut gender



Merujuk kepada rajah 4.4, keseluruhannya didapati bahawa bilangan responden perempuan lebih tinggi di kedua-dua kawasan kajian. Namun begitu perbezaan peratusan bilangan pelajar lelaki dan pelajar perempuan yang terlibat dalam kajian ini, tidaklah begitu ketara. Pelajar perempuan di kawasan luar bandar mencatatkan 50.7%, berbanding pelajar lelaki sebanyak 49.3%. Pelajar perempuan di kawasan bandar pula adalah seramai 52.0% manakala pelajar lelaki seramai 48.0% .


Rajah 4.5: Taburan pelajar sekolah menengah mengikut umur



Dari segi umur pula (lihat rajah 4.5), pelajar yang terlibat dalam kajian ini adalah dalam lingkungan 14 tahun hingga 20 tahun. Bagi kawasan luar bandar dan bandar pelajar yang berumur 14 tahun masing-masing mencatatkan 0.7%. Begitu juga bagi pelajar yang berumur 15 tahun di kedua-dua kawasan adalah sama bilangannya iaitu sebanyak 2.7%. Pelajar yang berumur 16 tahun adalah merupakan responden teramai bagi kedua-dua kawasan iaitu sebanyak 43.3% bagi kawasan luar bandar manakala 41.3% bagi kawasan bandar. Pelajar yang berumur 17 tahun pula adalah 34.7% bagi kawasan luar bandar manakala sebanyak 20.7% bagi kawasan bandar. Pelajar yang berumur 18 tahun bagi kawasan luar bandar ialah sebanyak 10.7% dan 22.7% bagi

kawasan bandar, diikuti pelajar yang berumur 19 tahun bagi kawasaan luar bandar ialah 7.3% serta 10.7% bagi kawasan bandar. Pelajar yang berumur 20 tahun adalah sebanyak 0.7% responden bagi kawasan luar bandar dan 1.3% responden bagi kawasan bandar.

Rajah 4.6 : Taburan pelajar sekolah menengah mengikut etnik



Taburan pelajar sekolah menengah mengikut etnik (lihat rajah 4.6) menunjukkan keseluruhan iaitu 100% responden di kawasan luar bandar adalah berbangsa Melayu manakala bagi kawasan bandar hanya 96.7% responden adalah berbangsa Melayu, selebihnya 2.0% berbangsa Cina, 0.7% berbangsa India dan lain-lain bangsa adalah 0.7%.

4.2.2 Taraf sosioekonomi ibu bapa responden

Jadual 4.1 : Taraf sosioekonomi ibu bapa responden

PERKARA	KAWASAN			
	Luar Bandar		Bandar	
	Ibu	Bapa	Ibu	Bapa
	%	%	%	%
Tahap Pendidikan				
a. Tiada pendidikan formal	12.7	8.0	6.7	4.7
b. Sekolah rendah	25.3	26.0	7.3	8.0
c. Sekolah Menengah	53.3	49.3	49.3	45.3
d. Kolej/Politeknik	3.3	6.7	19.3	18.7
e. Universiti	4.7	7.3	16.7	20.7
f. Lain-lain	0.7	0.7	0.7	1.3
g. Tidak Pasti	-	2.0	-	1.3
Pekerjaan				
a. Kakitangan Kerajaan	4.0	14.0	10.7	29.3
b. Kakitangan Swasta	3.3	7.3	6.7	13.3
c. Bekerja Sendiri	20.0	14.7	55.3	33.3
d. Guru	4.7	7.3	3.3	8.0
e. Pesara	1.3	0.7	9.3	6.7
f. Tidak Bekerja	64.7	52.0	2.0	2.7
g. Lain-lain	2.0	4.0	10.7	4.7
h. Tidak Pasti	-	-	2.0	2.0
Pendapatan				
a. Kurang dari RM500	28.0	18.0	54.7	36.3
b. RM500 – RM999	8.7	10.0	27.3	28.7
c. RM1,000 – RM1,999	4.0	12.0	10.7	17.7
d. RM2,000 – RM2,999	0.7	8.0	1.3	8.3
e. RM3,000 – RM3,999	2.0	0.7	1.3	3.0
f. RM4,000 – RM4,999	0.7	-	1.3	1.3
g. RM5,000 – RM9,999	-	0.7	0.7	0.7
h. Lebih dari RM 10,000	-	0.7	-	1.0
i. Tiada pendapatan	56.0	50.0	1.3	1.7
k. Tidak Pasti	-	-	1.3	1.3

4.2.2.1 Tahap pendidikan

Jadual 4.1 menunjukkan taraf sosioekonomi ibu bapa responden di kawasan luar bandar dan bandar yang meliputi tahap pendidikan, pekerjaan dan pendapatan bulanan. Di kawasan luar bandar hampir dan lebih separuh ibu bapa responden hanya mempunyai tahap pendidikan sekolah menengah iaitu 53.3% bagi ibu dan 49.3% bagi bapa. Begitu juga di kawasan bandar hampir separuh ibu bapa berpendidikan sehingga sekolah

menengah iaitu 49.3% bagi ibu dan 45.3% bagi bapa. Tahap pendidikan kedua tertinggi bagi kawasan luar bandar ialah sekolah rendah di mana 25.3% bagi ibu dan 26.0% bagi bapa. Berbeza dengan kawasan bandar tahap pendidikan ibu yang kedua tertinggi ialah politeknik atau kolej iaitu 19.3% dan 20.7% bagi bapa berpendidikan universiti. Sebanyak 12.7% bagi ibu dan 8.0% bagi bapa di kawasan luar bandar yang tidak mempunyai pendidikan formal dan berada di tempat ketiga tertinggi manakala kawasan bandar pula sebanyak 16.7% bagi ibu berpendidikan universiti dan 18.7% bagi bapa berpendidikan politeknik atau kolej mengisi tempat ketiga tertinggi.

Ibu bapa yang berpendidikan universiti di kawasan luar bandar hanya 4.7% bagi ibu dan 7.3% bagi bapa menduduki tempat keempat manakala di kawasan bandar ialah ibu bapa berpendidikan sekolah rendah iaitu 7.3% bagi ibu dan 8.0% bagi bapa. Tempat kelima bagi kawasan luar bandar ialah ibubapa yang berpendidikan kolej atau politeknik iaitu 3.3% bagi ibu dan 6.7% bagi bapa manakala bagi kawasan bandar pula dicatatkan oleh ibubapa yang tiada pendidikan formal ialah 6.7% bagi ibu dan 4.7% bagi bapa. Lain tahap pendidikan ibu bapa di kawasan luar bandar, masing-masing sebanyak 0.7% manakala kawasan bandar pula ialah 0.7% bagi ibu dan 1.3% bagi bapa. Hanya 2.0% responden bagi kawasan luar bandar dan 1.3% responden bagi kawasan bandar yang tidak pasti tahap pendidikan bapa.

4.2.2.2 Pekerjaan ibu bapa

Berdasarkan jadual 4.1, kajian mendapati lebih separuh ibu responden di kawasan luar bandar tidak bekerja iaitu sebanyak 64.7%. Selebihnya mereka bekerja sendiri iaitu 20.0%, menjadi guru 4.7%, menjadi kakitangan kerajaan sebanyak 4.0%, bekerja di sektor swasta sebanyak 3.3% manakala sebagai pesara pula sebanyak 1.3% dan lain-lain pekerjaan sebanyak 2.0%. Kawasan bandar juga mencatatkan lebih separuh ibu responden tidak bekerja iaitu sebanyak 52.0% diikuti bekerja sendiri sebanyak 14.7%,

kakitangan kerajaan sebanyak 14.0%, bekerja di sektor swasta dan menjadi guru masing-masing mencatatkan 7.3% manakala sebagai pesara sebanyak 0.7% dan lain-lain pekerjaan sebanyak 4.0%.

Sementara itu, pekerjaan bapa pelajar sekolah menengah di kawasan luar bandar majoritinya bekerja sendiri iaitu sebanyak 55.3%. Ini diikuti dengan kakitangan kerajaan 10.7%, pesara sebanyak 9.3%, kakitangan swasta 6.7%, guru 3.3% manakala tidak bekerja sebanyak 2.0% dan lain-lain pekerjaan 10.7%. Bagi kawasan bandar pula, 33.3% bapa pelajar sekolah menengah bekerja sendiri, 29.3% sebagai kakitangan kerajaan, 13.3% sebagai kakitangan swasta, 8.0% sebagai guru, 6.7% sebagai pesara manakala 2.7% tidak bekerja dan lain-lain pekerjaan sebanyak 4.7%. Sebanyak 2.0% pelajar sekolah menengah tidak menyatakan atau tidak pasti pekerjaan bapa mereka.

4.2.2.3 Pendapatan ibu bapa

Majoriti ibu kepada pelajar sekolah menengah di kawasan luar bandar (jadual 4.1), tidak mempunyai pendapatan iaitu sebanyak 56.0%. Ini kerana mereka hanya menjadi surirumah sepenuh masa dan suami bertanggungjawab sepenuhnya untuk menyara keluarga. Ini diikuti dengan pendapatan kurang dari RM500 sebanyak 28.0%, pendapatan RM500 hingga RM999 sebanyak 8.7%, RM1000 hingga RM1999 sebanyak 4.0%, pendapatan RM2000 hingga RM2999 sebanyak 0.7%, pendapatan RM3000 hingga RM3999 sebanyak 2.0% dan akhir sekali pendapatan RM4000 hingga RM4999 adalah sebanyak 0.7%.

Bagi ibu kepada pelajar sekolah menengah di kawasan bandar pula, 50% tidak mempunyai pendapatan oleh kerana mereka adalah surirumah sepenuh masa. Ini diikuti pendapatan kurang dari RM500 sebanyak 18.0%, pendapatan RM500 hingga RM999 sebanyak 10%, RM1000 hingga RM1999 sebanyak 12.0%, pendapatan RM2000 hingga RM2999 sebanyak 8.0%, pendapatan RM3000 hingga RM3999 sebanyak 0.7%

manakala pendapatan RM5000 hingga RM9999 adalah sebanyak 0.7% dan akhir sekali pendapatan lebih dari RM10000 sebanyak 0.7%.

Majoriti bapa kepada pelajar sekolah menengah di kawasan luar bandar (jadual 4.1), mempunyai pendapatan kurang dari RM500 ialah 54.7%, diikuti pendapatan RM500 hingga RM999 sebanyak 27.3%, RM1000 hingga RM1999 sebanyak 10.7%, pendapatan RM2000 hingga RM2999 sebanyak 1.3%, pendapatan RM3000 hingga RM3999 sebanyak 1.3% dan akhir sekali pendapatan RM4000 hingga RM4999 adalah sebanyak 1.3%, pendapatan RM5000 hingga RM9999 adalah sebanyak 0.7% manakala bagi bapa pelajar yang tiada pendapatan dan tidak pasti pendapatan bapa mereka ialah sebanyak 1.3%.

Bagi bapa kepada pelajar sekolah menengah di kawasan bandar pula (jadual 4.1), pendapatan kurang dari RM500 ialah 18.0%, diikuti pendapatan RM500 hingga RM999 sebanyak 30.0%, RM1000 hingga RM1999 sebanyak 24.7%, pendapatan RM2000 hingga RM2999 sebanyak 15.3%, pendapatan RM3000 hingga RM3999 sebanyak 4.7% dan akhir sekali pendapatan RM4000 hingga RM4999 adalah sebanyak 1.3%, pendapatan RM5000 hingga RM9999 adalah sebanyak 0.7%, bagi bapa pelajar yang pendapatannya lebih dari RM10000 adalah 2.0% manakala yang tiada pendapatan pula ialah 2.0% dan pelajar yang tidak pasti pendapatan bapa mereka ialah sebanyak 1.3%.

4.3 Analisis Data Kajian

4.3.1 Pengetahuan asas tentang MSC

Pengetahuan asas tentang MSC adalah bertujuan untuk melihat sejauh mana keperihatinan pelajar sekolah menengah tentang logo MSC dan sumber maklumat yang mengenai logi ini di perolehi. Berdasarkan jadual 4.2, kajian menunjukkan majoriti pelajar sekolah menengah di kawasan bandar dan luar bandar pernah melihat logo iaitu sebanyak 96.7% bagi kawasan luar bandar dan 97.3% bagi kawasan bandar manakala pelajar sekolah menengah yang mengenali logo MSC bagi kawasan luar bandar adalah sebanyak 88.3% dan 95.2% bagi kawasan bandar.

Jadual 4.2 : Pengetahuan asas tentang MSC

Pembolehubah	Kawasan			
	Luar Bandar		Bandar	
	n	%	n	%
a. Pernahkah anda melihat logo ini				
Ya	145	96.7	146	97.3
Tidak	5	3.3	4	2.7
b. Jika Ya, nama logo				
Koridor Raya Multimedia	128	85.3	140	93.3
Universiti Multimedia	9	6.0	3	2.0
Multimedia Siber	3	2.1	2	1.3
Tidak pasti	1	0.7	-	-
Tiada jawapan	9	6.0	5	3.3
c. Sumber maklumat mengenai logo ini				
Media Elektronik	92	61.3	84	56.0
Media Cetak	32	21.3	30	20.0
Internet	11	7.3	11	7.3
Lisan	3	2.0	4	2.7
Pelbagai media	6	4.0	18	12.0
Tidak pasti	6	4.0	3	2.0

Manakala sebanyak 61.3% responden di kawasan luar bandar dan 56.0% responden di kawasan bandar mendapat maklumat tentang logo MSC menerusi media elektronik iaitu iklan televisyen, seterusnya melalui media cetak seperti suratkhbar, majalah, risalah dan poster sebanyak 21.3% bagi kawasan luar bandar dan 20.0% di kawasan bandar. Sumber maklumat melalui Internet masing-masing mencatatkan 7.3%

bagi kawasan luar bandar dan kawasan bandar manakala melalui lisan pula sebanyak 2.0% bagi kawasan luar bandar dan 2.7% bagi kawasan bandar. Responden yang mendapat maklumat daripada pelbagai media pula ialah 4.0% bagi kawasan luar bandar dan 12.0% bagi kawasan bandar. Berdasarkan hasil kajian ini, dapat dirumuskan bahawa media elektronik dan media cetak merupakan medium utama dalam menyampaikan maklumat Projek Nasional Negara kepada masyarakat umumnya dan kepada pelajar sekolah khususnya.

4.3.2 Latar belakang MSC

Kajian yang dijalankan berkenaan latarbelakang MSC (jadual 4.3) mendapati responden di kawasan luar bandar kurang mengetahui tentang latar belakang MSC berbanding kawasan bandar. Ini dapat dilihat berdasarkan jadual 4.2 dan diperincikan seperti berikut. Responden di kawasan luar bandar dan bandar mengetahui tentang objektif MSC amat baik iaitu sebanyak 78.0% bagi kawasan luar bandar dan sebanyak 79.0% bagi kawasan bandar iaitu untuk mengubah Malaysia kepada k-ekonomi. Jika ditinjau, hanya 8.0% responden kawasan luar bandar dan 8.7% responden mengetahui tahun penubuhan MSC iaitu pada tahun 1996 manakala hampir separuh responden di kawasan luar bandar dan bandar menyatakan pada tahun 2000 dan tidak pasti terhadap tahun penubuhan MSC. Begitu juga dengan pengetahuan apakah MSC sebenarnya, keperihatinan responden kawasan luar bandar adalah rendah iaitu hanya 32.7% berbanding kawasan bandar adalah sederhana, iaitu 42.0% responden mengetahui MSC merupakan projek nasional.

Lebih separuh responden kawasan luar bandar mengetahui Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) yang menguruskan MSC iaitu 59.3% manakala bagi kawasan bandar pula adalah sederhana 42.7%. Responden di kedua-dua kawasan begitu keliru dengan kawasan yang berada dalam lingkungan MSC. Ini dapat dilihat,

responden di kawasan luar bandar 42.0% dan kawasan bandar 37.3% yang menyedari litar F1 Sepang yang tidak berada dalam kawasan MSC manakala majoritinya menyatakan tidak pasti.

Begitu juga dengan pengetahuan berkaitan undang-undang yang digubal untuk menggalakkan industri IT dan multimedia tempatan, peratusan responden di kedua-dua kawasan yang mengetahui undang-undang siber adalah rendah iaitu 27.7% bagi kawasan luar bandar dan 18.7% bagi kawasan bandar adalah amat rendah. Lebih separuh responden menyatakan tidak pasti terhadap undang-undang yang digubal. Kajian juga menunjukkan lebih separuh responden di kedua-dua kawasan mengetahui Subang Jaya sebagai bukan bandar siber MSC iaitu 58.7% bagi kawasan luar bandar dan 57.3% bagi kawasan bandar.

Jadual 4.3 : Latar Belakang MSC

Pembolehubah	Kawasan			
	Luar Bandar		Bandar	
	n	%	n	%
a. Objektif MSC				
Mengubah Malaysia kepada k- ekonomi	117	78.0	119	79.3
Menjual komputer	1	0.7	5	3.3
Membuka banyak kedai komputer di negara ini	-	-	3	2.0
Tidak Pasti	32	21.3	23	15.3
b. Tahun Penubuhan				
2000	51	34.0	71	47.3
1996	12	8.0	13	8.7
2003	13	8.7	8	5.3
Tidak Pasti	74	49.3	58	38.7
c. Apakah MSC				
Agensi	21	14.0	19	12.7
Perbadanan	75	50.0	41	27.3
Projek Nasional	49	32.7	63	42.0
Organisasi	4	2.7	23	15.3
Tidak Pasti	1	0.7	4	2.7
d. Sumber Maklumat Mengenai MSC				
Media Elektronik	77	51.3	71	47.3
Media Cetak	38	25.3	37	24.7
Internet	16	10.7	17	11.3
Lisan	14	9.3	8	5.3
Lain-lain	1	0.7	-	-
Pelbagai Media	4	2.7	17	11.3
e. Pengurusan MSC				
Institut Sistem Mikroelektronik Malaysia (MIMOS)	6	4.0	12	8.0

Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC)	89	59.3	64	42.7
Suruhanjaya Multimedia Malaysia	18	12.0	31	20.7
Tidak Pasti	37	24.7	43	28.7
f. Tiada dalam kawasan MSC?				
Menara Berkembar Petronas	10	6.7	28	18.7
Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur	7	4.7	3	2.0
Litar F1 Sepang	63	42.0	56	37.3
Tidak Pasti	70	46.7	63	42.0
g. Undang-undang IT				
Undang-undang Siber	19	12.7	28	18.7
Peraturan MSC	30	20.0	33	22.0
Undang-undang ICT	36	24.0	35	23.3
Tidak Pasti	65	43.3	54	36.0
h. Bukan Bandar Siber				
Cyberjaya	11	7.3	4	2.7
KLCC	11	7.3	29	19.3
Subang Jaya	88	58.7	86	57.3
Tidak Pasti	40	26.7	31	20.7
i. Universiti di Cyberjaya				
Universiti Multimedia	83	55.3	77	51.3
Universiti Petronas	10	6.7	22	14.7
Universiti Tenaga Nasional	17	11.3	23	15.3
Tidak Pasti	40	26.7	28	18.7
j. Laman web MSC				
www.msc.gov.my	44	29.3	58	38.7
www.msc.net.my	22	14.7	19	12.7
www.msc.com.my	36	24.0	42	28.0
Tidak Pasti	48	32.0	31	20.6

Begitu juga dengan universiti yang berada di Cyberjaya, lebih separuh responden di kawasan luar bandar iaitu 55.7% dan 51.3% di kawasan bandar mengetahui Universiti Multimedia. Rata-rata responden di kedua-dua kawasan keliru terhadap laman web MSC. Jika dilihat, peratusan yang mengetahui dan tidak adalah hampir sama. Walaubagaimanapun peratusan responden yang mengetahuinya adalah rendah di kedua-dua kawasan iaitu 24.0% bagi kawasan luar bandar dan 28.0% bagi kawasan bandar.

Responden di kedua-dua kawasan mengetahui tentang MSC dengan mendapat maklumat dari media elektronik seperti iklan televisyen, radio dan sebagainya adalah lebih separuh iaitu sebanyak 51.3% bagi kawasan luar bandar dan hampir separuh iaitu 47.3% bagi kawasan bandar. Media cetak seperti surat khabar, majalah, risalah dan sebagainya pula mencatatkan 25.3% bagi kawasan luar bandar dan 24.7% bagi kawasan

bandar. Ini diikuti dengan Internet sebanyak 10.7% bagi kawasan luar bandar dan 11.3% bagi kawasan bandar manakala secara lisan pula sebanyak 9.3% bagi kawasan luar bandar dan 5.3% bagi kawasan bandar. Lain-lain media pula di kawasan luar bandar ialah sebanyak 0.7%. Responden yang mengetahui melalui pelbagai media pula adalah 2.7% bagi kawasan luar bandar dan 11.3% bagi kawasan bandar. Jika ditinjau, media elektronik dan media cetak merupakan media utama bagi responden mengetahui maklumat tentang MSC.

4.3.3 Aplikasi MyKad

Berdasarkan jadual 4.4, responden yang mengetahui sijil perkahwinan bukan termasuk di dalam fungsi MyKad adalah sangat baik iaitu 72% bagi kawasan luar bandar dan 68.7% bagi kawasan bandar manakala responden di kedua-dua kawasan mengetahui Jabatan Pendaftaran Negara yang bertanggungjawab terhadap aplikasi MyKad iaitu 72.7% bagi kawasan luar bandar dan 75.3% bagi kawasan bandar.

Jadual 4.4 : Aplikasi MyKad

Pembolehubah	Kawasan			
	Luar Bandar		Bandar	
	n	%	n	%
a. Bukan fungsi Mykad				
Kad Pengenalan	2	1.3	6	4.0
Sijil Perkahwinan	108	72.0	103	68.7
Touch N Go	21	14.0	27	18.0
Tidak Pasti	19	12.7	14	9.3
b. Agensi kerajaan yang bertanggungjawab				
MAMPU	6	4.0	10	6.7
Jabatan Pendaftaran Negara	109	72.7	113	75.3
Jabatan Imigresen	8	5.3	5	3.3
Tidak Pasti	27	18.0	22	14.6

4.3.4 Aplikasi E-Kerajaan

Kajian menunjukkan (jadual 4.5) responden yang mengetahui E-Kerajaan sebagai inisiatif yang diwujudkan untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan kerajaan adalah

rendah iaitu sebanyak 38.9% manakala bagi kawasan bandar adalah hampir separuh iaitu sebanyak 49.3%. Walau bagaimanapun responden di kawasan luar bandar yang mengetahui E-Khidmat sebagai aplikasi *online* bertujuan membantu masyarakat berinteraksi dan membuat transaksi dengan sektor kerajaan adalah kurang daripada separuh iaitu 40.7% manakala bagi kawasan bandar pula mencatatkan lebih separuh responden mengetahuinya iaitu sebanyak 53.3%.

Jadual 4.5 : Aplikasi E-Kerajaan

Pembolehubah	Kawasan			
	Luar Bandar		Bandar	
	n	%	n	%
a. Kualiti Perkhidmatan Kerajaan				
E-Kerajaan	57	38.0	74	49.3
Televisyen Kebangsaan	24	16.0	18	12.0
Tele-Nasihat	6	4.0	5	3.3
Tidak Pasti	63	42.0	53	35.3
b. Aplikasi on-line				
E-Khidmat	61	40.7	80	53.3
E-Nasihat	1	0.7	2	1.3
Tele-Khidmat	51	34.0	38	25.3
Tidak Pasti	37	24.7	30	20.0

4.3.5 Aplikasi Teleperubatan

Jadual 4.6 menunjukkan peratusan responden luar bandar yang mengetahui tentang Teleperubatan sebagai inisiatif kerajaan untuk meningkatkan perkhidmatan kesihatan kebangsaan Malaysia adalah rendah iaitu sebanyak 28.0%. Begitu juga dengan kawasan bandar yang mencatatkan 38.7%.

Jadual 4.6 : Aplikasi Teleperubatan

Pembolehubah	Kawasan			
	Luar Bandar		Bandar	
	n	%	n	%
Kualiti Perkhidmatan Kesihatan				
Teleperubatan	42	28.0	58	38.7
TeleKlinik	14	9.3	12	8.0
Hospital Siber	29	19.3	22	14.7
Tidak Pasti	65	43.3	58	38.7

4.3.6 Aplikasi Sekolah Bestari

Merujuk jadual 4.7, peratusan responden yang mengetahui Sekolah Bestari diwujudkan untuk meningkatkan sistem pendidikan kebangsaan adalah menggalakkan bagi kawasan luar bandar iaitu sebanyak 67.3% manakala bagi kawasan bandar pula adalah sangat baik iaitu sebanyak 78.7%. Namun begitu, lebih separuh responden di kedua-dua kawasan mengetahui organisasi yang bertanggungjawab membangunkan aplikasi perdana Sekolah Bestari iaitu 54.0% bagi kawasan luar bandar dan 57.3% bagi kawasan bandar.


Jadual 4.7 : Aplikasi Sekolah Bestari

Pembolehubah	Kawasan			
	Luar Bandar		Bandar	
	n	%	n	%
a. Peningkatan Sistem Pendidikan				
Sekolah Internet	8	5.3	3	2.0
Sekolah Bestari	101	67.3	118	78.7
Sekolah ICT	18	12.0	12	8.0
Tidak Pasti	23	15.3	17	11.4
b. Pembangunan Aplikasi				
Kementerian Pendidikan dan Perbadanan Pembangunan Multimedia	81	54.0	86	57.3
Kementerian Pendidikan dan Sekolah Bestari Telekom	8	5.3	16	10.7
Perbadanan Pembangunan Multimedia dan Sekolah Bestari Telekom	17	11.3	19	12.7
Tidak Pasti	44	29.3	29	19.3

4.3.7 Tanggapan responden mengenai MSC

Kajian yang dijalankan terhadap tanggapan MSC sebagai pusat ICT pada keseluruhannya, hampir separuh responden di kawasan luar bandar meletakkan MSC di tempat yang pertama iaitu sebanyak 48.0% (rujuk jadual 4.7) manakala bagi responden kawasan bandar pula adalah rendah iaitu sebanyak 38.7%. Di tempat kedua pula, sebanyak 10.7% responden di kawasan luar bandar manakala 22.7% bagi kawasan bandar seterusnya di tempat ketiga sebanyak 7.3% responden di kawasan luar bandar manakala 14.7% bagi kawasan bandar serta di tempat keempat, masing-masing sebanyak 4.7%.

Rajah 4.7 : Kedudukan MSC sebagai pusat ICT



Di tempat kelima, mencatatkan 8.7% responden di kawasan luar bandar manakala 4.0% bagi kawasan bandar serta di tempat keenam masing-masing mencatatkan 2.0%. Di tempat ketujuh pula, sebanyak 3.3% bagi responden di kawasan luar bandar manakala 1.3% bagi kawasan bandar. Di tempat kelapan, sebanyak 2.0% responden di kawasan luar bandar manakala 3.3% bagi kawasan bandar. Responden yang meletakkan MSC di tempat yang kesembilan adalah sama iaitu sebanyak 2.0%. Begitu juga di tempat yang kesepuluh masing-masing mencatatkan 1.3%. Sebanyak 10.0% responden di kawasan luar bandar dan 5.3% responden di kawasan bandar tidak pasti untuk meletakkan MSC di mana-mana kedudukan seperti di atas.

Jadual 4.8: Tanggapan mengenai MSC

Tanggapan Mengenai MSC	Kawasan			
	Luar Bandar		Bandar	
	n	%	n	%
Ia adalah permulaan yang baik	18	12.0	17	11.3
Ia sedang bergerak ke arah merealisasikan objektif	17	11.3	18	12.0
Meletakkan Malaysia terkehadapan dalam teknologi ICT	60	40.0	56	37.3
Meletakkan Malaysia dalam peta dunia ICT	12	8.0	8	5.3
Laluan cemerlang masa hadapan dalam dunia siber	20	13.3	21	14.0
Lain-lain tanggapan mengenai MSC	23	14.7	30	20.0
Tidak Pasti	1	0.7	3	2.0

Merujuk kepada jadual 4.8, responden di kawasan luar bandar dan bandar mempunyai tanggapan yang berbeza-beza mengenai MSC. Responden di kawasan luar bandar dan bandar beranggapan MSC adalah permulaan yang baik adalah sangat rendah iaitu sebanyak 12.0% bagi kawasan luar bandar dan 11.3 bagi kawasan bandar. Begitu juga tanggapan responden di kedua-dua kawasan yang menyatakan MSC sedang bergerak ke arah merelisasikan objektif adalah sangat rendah iaitu 11.3% bagi kawasan luar bandar dan 12.0% bagi kawasan bandar.


Berbeza dengan tanggapan iaitu meletakkan Malaysia terkehadapan dalam teknologi ICT, responden dilihat bersetuju dengan tanggapan ini iaitu sebanyak 40.0% bagi kawasan luar bandar dan 37.3% bagi kawasan bandar walaupun peratusannya tidak mencapai separuh dari jumlah responden keseluruhan. Tanggapan MSC merupakan laluan cemerlang masa hadapan dalam dunia siber pula, jumlah responden di kawasan luar bandar mencatatkan 13.3% manakala jumlah responden di kawasan bandar mencatatkan 14.0%. Lain-lain tanggapan mengenai MSC pula bagi kawasan luar bandar ialah 14.7% responden manakala bagi kawasan bandar pula ialah 20.0% responden. Jumlah responden yang mencatatkan tidak pasti pula ialah 0.7% bagi kawasan luar bandar dan 2.0% bagi kawasan bandar.

4.3.8 Implementasi Kerajaan

Implementasi kerajaan merupakan satu inisiatif yang dibuat untuk mempromosikan penggunaan maklumat dan Telmatik di dalam kerajaan dan perkhidmatan awam. Jika dilihat berdasarkan rajah 4.8, pengetahuan responden bahawa kerajaan ialah penggerak utama inisiatif ini adalah rendah iaitu sebanyak 38.0% bagi kawasan luar bandar dan 37.3% bagi kawasan bandar manakala responden di kedua-dua kawasan masing-masing sebanyak 62.0% mengatakan tiada penggunaan maklumat dan telmatik di dalam

kerajaan dan perkhidmatan awam. Sebanyak 0.7% iaitu responden di kawasan bandar sahaja yang menyatakan tidak pasti terhadap inisiatif ini.

Rajah 4.8 : Inisiatif untuk mempromosikan penggunaan maklumat dan Telematik




Responden di kawasan luar bandar dan bandar yang mengetahui inisiatif tersebut telah menyenaraikannya seperti penggunaan *MyKad* sebagai pengenalan diri, lesen memandu, maklumat pasport, beberapa aplikasi pilihan lain seperti *MEPS-Tunai (ATM)*, dan prasarana kekunci awam. Selain itu responden juga menyatakan penggunaan *Touch n Go*. Ia digunakan di lebuhraya, LRT dan perkhidmatan bas Putra.


Berdasarkan rajah 4.9 majoriti responden di kawasan luar bandar dan bandar mengetahui kerajaan yang terlibat dalam inisiatif penggunaan maklumat dan telematik iaitu sebanyak 78.9% bagi kawasan luar bandar dan 75% bagi kawasan bandar manakala sektor swasta pula sebanyak 7.1% responden di kawasan luar bandar dan 8.8% responden di kawasan bandar. Universiti pula adalah sebanyak 5.3% responden di kawasan luar bandar berbanding 5.45% responden di kawasan bandar. Lain-lain yang terlibat pula adalah sebanyak 1.8% responden di kawasan luar bandar berbanding 5.4% responden di kawasan bandar. Sebanyak 5.3% responden di kawasan luar bandar dan

7.1% responden di kawasan bandar menyatakan tidak pasti siapa yang terlibat dalam inisiatif tersebut.

Rajah 4.9 : Organisasi yang terlibat dalam inisiatif penggunaan maklumat dan telematik




Rajah 4.10 : Laman web rasmi kerajaan



Kajian menunjukkan (lihat rajah 4.10) majoriti responden di kedua-dua kawasan mengetahui kerajaan mempunyai satu atau lebih laman web rasmi iaitu sebanyak 76% bagi kawasan luar Bandar dan sebanyak 84% responden di kawasan bandar manakala selebihnya mengatakan tidak iaitu sebanyak 23.3% responden di kawasan luar bandar

dan 16.0% responden di kawasan bandar. Hanya responden di kawasan luar bandar yang menyatakan tidak pasti dan peratusannya adalah amat rendah iaitu sebanyak 0.7%.

Rajah 4.11 : Polisi untuk menyediakan kepelbagaian pendapat dan sumber



Responden di kedua-dua kawasan (lihat rajah 4.11) yang mengetahui kerajaan mempunyai satu atau lebih laman web rasmi majoritinya menyatakan kerajaan ada menyediakan polisi untuk menyediakan pendapat dan sumber maklumat di laman web kerajaan iaitu sebanyak 84.2% bagi kawasan luar bandar dan 84.1% bagi kawasan bandar. Hanya 14.0% responden di kawasan luar bandar dan 13.5% responden di kawasan bandar yang tidak mengetahui polisi untuk menyediakan kepelbagaian pendapat dan sumber di laman web kerajaan. Sejumlah kecil responden di kawasan luar bandar iaitu 1.8% dan 2.4% yang tidak pasti terhadap polisi tersebut.

Merujuk jadual 4.9, ia adalah berkenaan polisi kerajaan dalam usaha celik IT. Lebih separuh responden kawasan luar bandar iaitu 52.0% dan bandar 59.3% mengatakan kerajaan ada mempunyai polisi tetapi cuma sebahagian yang dilaksanakan manakala bagi responden kawasan luar bandar iaitu sebanyak 24.7% dan 20.7% bagi kawasan bandar mengatakan kerajaan mempunyai polisi dalam usaha celik IT dan telah dilaksanakan sepenuhnya.

Jadual 4.9 : Polisi kerajaan dalam celik IT

Usaha Celik IT	Kawasan			
	Luar Bandar		Bandar	
	n	%	n	%
Tiada polisi langsung	7	4.7	2	1.3
Ada tetapi masih di dalam perbincangan	10	6.7	16	10.7
Ada dan baru hendak dilaksanakan	15	10.0	11	7.3
Ada tetapi cuma sebahagian yang dilaksanakan	78	52.0	89	59.3
Ada dan telah dilaksanakan sepenuhnya	37	24.7	31	20.7
Tidak Pasti	2	1.3	1	0.7
Lain-lain	1	0.7	-	-

Sebanyak 10.0% responden di kawasan luar bandar dan 7.3% responden di kawasan bandar mengatakan ada polisi dan baru hendak dilaksanakan manakala di kawasan luar bandar iaitu sebanyak 6.7% responden dan 10.7% responden di kawasan bandar mengatakan kerajaan mempunyai polisi dalam usaha celik IT tetapi masih di dalam perbincangan. Lain-lain kenyataan mengenai polisi celik IT sebanyak 0.7% responden di kawasan luar bandar. Seramai 4.7% responden di kawasan luar bandar dan 1.3% responden di kawasan bandar mengatakan tiada polisi langsung dalam celik IT. Selain itu, sebanyak 1.3% responden di kawasan luar bandar manakala 0.7% responden di kawasan bandar mengatakan tidak pasti samaada wujud atau tidak polisi dalam celik IT.

Jadual 4.10 : Usaha untuk memastikan penduduk mendapatkan maklumat tentang k-ekonomi


Kenyataan	Kawasan			
	Luar Bandar		Bandar	
	n	%	n	%
Pemasangan Kiosk Awam	27	18.0	24	16.0
Kerajaan mensubsidi perkhidmatan asas Internet	66	44.0	75	50.0
Kerajaan mensubsidi pembelian komputer (termasuk pengecualian cukai)	50	33.3	43	28.7
Lain-lain	1	0.7	3	2.0
Lain-lain kenyataan	4	2.7	4	2.6
Tidak Pasti	2	1.3	1	0.7

Jadual 4.10 menunjukkan usaha yang perlu dibuat untuk memastikan lebih ramai penduduk mengetahui tentang k-ekonomi selaras dengan pelaksanaan MSC di

negara ini. Kajian mendapati sebanyak 44.0% responden di kawasan luar bandar dan separuh responden di kawasan bandar iaitu 50.0% mengatakan kerajaan perlu mensubsidi perkhidmatan asas internet bagi memastikan penduduk mendapatkan maklumat tentang k-ekonomi. Sebanyak 33.3% responden di kawasan bandar manakala sebanyak 28.7% responden di kawasan bandar mengatakan kerajaan perlu mensubsidi pembelian komputer (termasuk pengecualian cukai) dalam usaha memastikan penduduk mendapatkan maklumat tentang k-ekonomi. Sebanyak 18.0% responden di kawasan luar bandar dan 16.0% di kawasan bandar pula menyatakan usaha untuk memastikan penduduk mendapatkan maklumat tentang k-ekonomi ialah dengan pemasangan kiosk awam. Lain-lain kenyataan pula adalah sebanyak 2.7% responden di kawasan luar bandar dan 0.7% responden di kawasan bandar. Sejumlah kecil responden menyatakan tidak pasti iaitu 1.3% responden di kawasan luar bandar dan 0.7% di kawasan bandar.

Pelaksanaan MSC akan mempercepatkan urusan masyarakat dalam pelbagai aspek kehidupan dan juga menggalakkan lagi kewujudan masyarakat bermaklumat contohnya dengan penggunaan kad pintar yang mengandungi maklumat di dalam satu kad yang dilengkapi cip dan membolehkan masyarakat melakukan setiap urusan seperti transaksi di bank, sektor kerajaan dan sebagainya dengan mudah dan cepat. Kajian menunjukkan (lihat rajah 4.12) majoriti responden di kedua-dua mengetahui bahawa Malaysia telah menggunakan teknologi kad pintar iaitu sebanyak 72% responden di kawasan luar bandar dan 75.6% responden di kawasan bandar. Sebanyak 26% responden di kawasan luar bandar dan 23.3% responden di kawasan bandar yang tidak mengetahuinya manakala sebanyak 2% responden di luar bandar dan 1.3% responden di kawasan bandar yang menyatakan tidak pasti terhadap penggunaan kad pintar di Malaysia.

Rajah 4.12 : Penggunaan teknologi kad pintar di Malaysia



Responden di kawasan luar bandar dan bandar yang mengetahui tentang teknologi kad pintar telah menyatakan di mana ia digunakan dalam perkhidmatan awam seperti jadual 4.11 di bawah.

Jadual 4.11 : Penggunaan kad pintar dalam perkhidmatan awam

Bil	Perkara
a.	Bank
b.	Hospital
c.	Airport
d.	Jabatan Pengangkutan Jalan
e.	Jabatan Imigresen
f.	Jabatan Pendaftaran Negara
g.	Jabatan Perdana Menteri
h.	Perkhidmatan Pendidikan
i.	Perkhidmatan Kesihatan
j.	Perkhidmatan Pentadbiran

Aplikasi MSC yang diperkenalkan memerlukan satu medium *online* bagi memudahkan segala urusan. Kajian yang di jalankan bagi mengetahui tanggapan responden terhadap perkara yang menghalang kepada perkembangan *on-line* di Malaysia. Sejumlah 36.7% responden di kawasan luar bandar dan 36.0% responden di kawasan bandar menyatakan tahap celik IT yang rendah merupakan penghalang kepada perkembangan penguasaan *on-line* manakala sebanyak 18.7 responden di kawasan luar

bandar berbanding 10.7% responden di kawasan bandar menyatakan kurangnya penggunaan internet.

Jadual 4.12 : Tanggapan penghalang kepada perkembangan penguasaan *on-line*

Kenyataan	Kawasan			
	Luar Bandar		Bandar	
	n	%	n	%
Kekurangan infrastruktur	8	5.3	16	10.7
Kekurangan sumber	10	6.7	10	6.7
Tahap celik IT yang rendah	55	36.7	54	36.0
Tahap kesedaran yang rendah pada peringkat polisi	22	14.7	14	9.3
Kurangnya insentif awam (faedah yang tidak jelas atau minima)	5	3.3	9	6.0
Kurangnya penggunaan internet	28	18.7	16	10.7
Lain-lain	1	0.7	3	2.0
Pelbagai tanggapan	18	12.5	26	17.7
Tidak Pasti	3	2.0	2	1.3

Responden yang menyatakan tahap kesedaran yang rendah pada peringkat polisi bagi kawasan luar bandar adalah 14.7% manakala 9.3% responden di kawasan bandar. Selain itu responden kedua-dua kawasan yang menyatakan kekurangan sumber masing-masing sebanyak 6.7%. Responden juga menyatakan kekurangan sumber juga menjadi penyebab iaitu 5.3% responden di kawasan luar bandar dan 10.7% responden di kawasan bandar. Pelbagai tanggapan iaitu gabungan tanggapan yang diberikan di atas mencatatkan 12.5% responden di kawasan luar bandar dan 17.7% responden di kawasan bandar. Lain-lain tanggapan ialah sebanyak 0.7% responden di kawasan bandar dan 2.0% responden di kawasan bandar. Sebanyak 2.0% responden di kawasan luar bandar dan 1.3% responden di kawasan bandar menyatakan tidak pasti.


4.3.9 Maklumat Umum

4.3.9.1 Bahan bacaan

Bahan bacaan yang dikaji ialah suratkhbar, buku, majalah, komik, novel dan lain-lain. Kajian menunjukkan lebih separuh responden di kawasan luar bandar iaitu sebanyak 50.7% berbanding hanya 44.7% responden di kawasan bandar yang membaca suratkhbar (sila rujuk lampiran). Responden yang membaca buku bagi kawasan luar bandar adalah sebanyak 18.0% berbanding hanya 10.0% responden di kawasan bandar. Bahan bacaan seperti komik dan novel pula adalah amat rendah peratusan responden di kedua-dua kawasan yang membacanya.

Komik mencatatkan sebanyak 4.0% responden di kawasan luar bandar manakala 4.7% responden di kawasan bandar. Novel pula sebanyak 6.0% responden di kawasan luar bandar dan hanya 2.0% responden di kawasan bandar. Dari segi kombinasi bahan bacaan pula gabungan suratkhbar dengan buku dan majalah adalah tinggi berbanding kombinasi bahan bacaan lain iaitu sebanyak 1.3% responden di kawasan luar bandar dan 4.7% responden di kawasan bandar. Sementara itu kombinasi suratkhbar dengan buku pula mencatatkan peratusan kedua tertinggi iaitu 1.3% responden di kawasan luar bandar dan 4.0% responden di kawasan bandar.


Rajah 4.13 : Kekerapan membaca akhbar



Kajian yang telah dijalankan (lihat rajah 4.13) menunjukkan responden di kawasan luar bandar yang membaca akhbar pada tiap-tiap hari adalah rendah iaitu sebanyak 22.7% berbanding kawasan bandar adalah pada tahap sederhana iaitu sebanyak 41.3%. Hampir separuh responden di kawasan luar bandar membaca akhbar dua atau tiga kali seminggu iaitu sebanyak 46.7% responden manakala di kawasan bandar adalah rendah iaitu sebanyak 37.3% responden. Pembacaan akhbar oleh responden pada tempoh sekali seminggu adalah sangat rendah peratusannya iaitu 2.7% bagi kawasan luar bandar dan 8.0% bagi kawasan bandar manakala pada tahap kekerapan jarang-jarang adalah rendah bagi kawasan luar bandar iaitu sebanyak 26.7% responden dan amat rendah di kawasan bandar iaitu sebanyak 13.3% responden. Hanya 1.3% responden di kawasan luar bandar yang tidak langsung membaca akhbar.

4.3.9.2 Kekerapan menonton berita televisyen

Rajah 4.14 : Kekerapan menonton berita di televisyen




Berdasarkan rajah 4.14 lebih separuh peratusan responden menonton berita di televisyen pada tiap-tiap hari iaitu 55.3% responden di kawasan luar bandar dan 52.7% responden di kawasan bandar. Peratusan responden menonton berita di televisyen pada

dua atau tiga kali seminggu adalah berkadar rendah di kedua-dua kawasan iaitu 27.3% responden di kawasan luar bandar manakala di kawasan bandar ialah 29.3% responden. Responden yang hanya menonton berita televisyen hanya sekali seminggu ialah 4.0% di kawasan luar bandar manakala 0.7% responden di kawasan bandar berbanding 13.3% responden di kawasan luar bandar dan 16.7% responden di kawasan bandar yang jarang-jarang menonton berita televisyen. Sebanyak 0.7% responden di kawasan bandar yang tidak langsung menonton berita televisyen.

4.3.9.3 Pemilikan dan penggunaan komputer


Rajah 4.15 : Pemilikan komputer peribadi



Kajian yang dijalankan bagi mengetahui pemilikan komputer di kalangan responden di kedua-dua kawasan menunjukkan (lihat jadual 4.15) pemilikan komputer yang sangat rendah bagi kawasan luar bandar iaitu hanya 18.0% responden berbanding kawasan bandar iaitu 38.0% responden. Majoriti responden di kawasan luar bandar tidak memiliki komputer peribadi ialah sebanyak 82.0% manakala 61.3% responden di kawasan bandar.

Walau bagaimanapun majoriti responden pernah menggunakan komputer (lihat rajah 4.16) di kedua-dua kawasan iaitu 81.3% responden di kawasan luar bandar manakala kawasan bandar sebanyak 94.7% responden.

Rajah 4.16 : Penggunaan komputer di kalangan pelajar sekolah menengah



Jadual 4.13 : Tempat menggunakan komputer

Perkara	Kawasan			
	Luar Bandar		Bandar	
	n	%	n	%
Rumah	47	38.5	73	51.4
Pejabat	3	2.5	1	0.7
Kafe siber	42	34.4	33	23.2
Makmal komputer	18	14.8	8	5.6
Lain-lain	3	2.5	-	-
Pelbagai tempat menggunakan komputer	9	7.3	25	18.3
Tidak pasti	-	-	1	0.7

Rajah 4.13 menunjukkan penggunaan komputer di rumah bagi responden di kawasan luar bandar adalah sebanyak 38.5% manakala lebih separuh responden di kawasan bandar iaitu sebanyak 51.4%. Responden di kawasan luar bandar yang menggunakan komputer di kafe siber adalah sebanyak 34.4% manakala di kawasan bandar pula sebanyak 23.2%. Penggunaan komputer di makmal komputer bagi

responden di kawasan luar bandar ialah sebanyak 14.8% berbanding di kawasan luar bandar hanyalah 5.6% responden.

Terdapat juga responden di kawasan luar bandar yang menggunakan komputer di pejabat iaitu sebanyak 2.5% responden manakala di kawasan bandar adalah 0.7% responden. Lain-lain tempat selain yang dinyatakan ialah sebanyak 2.5% responden di kawasan luar bandar. Pelbagai tempat menggunakan komputer ialah gabungan tempat yang dinyatakan dalam jadual 4.12 ialah sebanyak 7.3% responden di kawasan luar bandar dan 18.3% responden di kawasan bandar. Hanya 0.7% responden menyatakan tidak pasti iaitu di kawasan bandar.

Jadual 4.14 : Tujuan menggunakan komputer

Perkara	Kawasan			
	Luar Bandar		Bandar	
	n	%	n	%
Membuat tugas	81	66.4	56	39.4
Melayari internet	18	14.8	25	17.6
E-mail	5	4.1	9	6.3
Perniagaan	2	1.6	1	0.7
Lain-lain	7	5.7	8	5.6
Pelbagai tujuan penggunaan komputer	9	7.3	43	30.3

Hasil kajian terhadap tujuan responden menggunakan komputer (lihat jadual 4.14) menunjukkan responden di kawasan luar bandar menggunakan komputer untuk membuat tugas ialah sebanyak 66.4% responden berbanding kawasan bandar hanyalah 39.4% responden. Penggunaan komputer untuk *melayari internet* di kawasan luar bandar adalah rendah iaitu sebanyak 14.8% responden manakala di kawasan bandar adalah 17.6% responden.

Responden yang menggunakan komputer untuk menghantar e-mail adalah amat rendah bagi kedua-dua kawasan iaitu sebanyak 4.1% responden di kawasan luar bandar dan 6.3% responden di kawasan bandar. Begitu juga dengan tujuan perniagaan, 1.6% responden bagi kawasan luar bandar dan 0.7% responden di kawasan bandar. Lain-lain

tujuan ialah 5.7% responden di kawasan luar bandar dan 5.6% responden di kawasan bandar. Pelbagai tujuan penggunaan komputer ialah gabungan dari tujuan yang dinyatakan dalam jadual 4.13 iaitu sebanyak 7.3% responden bagi kawasan luar bandar dan 30.3% responden bagi kawasan bandar.

4.3.9.4 Pengetahuan mengenai MSC

Bahagian ini membincangkan pengetahuan responden tentang MSC iaitu dari aspek kepekaan projek, kedudukan MSC, tujuan Kerajaan Persekutuan mewujudkan MSC dan jenis-jenis syarikat yang bertapak di MSC. Ini dapat diperincikan melalui jadual 4.15 di bawah.

Jadual 4.15 : Pengetahuan mengenai MSC

Perkara	Kawasan							
	Luar Bandar				Bandar			
	Ya		Tidak		Ya		Tidak	
	n	%	n	%	n	%	n	%
Tentang projek Koridor Raya Multimedia (MSC)	81	54.0	69	46.7	90	60.0	60	40.0
Dimana terletaknya MSC	66	44.0	81	54.0	65	43.3	85	56.7
Kenapa Kerajaan Persekutuan mewujudkan MSC	77	51.3	81	54.0	81	54.0	69	46.0
Jenis-jenis syarikat yang bertapak di MSC	11	7.3	136	90.7	13	8.7	135	90.0

Kajian yang dijalankan menunjukkan pengetahuan responden tentang projek MSC adalah lebih dari separuh iaitu 54.0% responden di kawasan luar bandar dan amat menggalakkan bagi kawasan bandar iaitu sebanyak 60.0%. Peratusan responden hampir sama pada tahap sederhana di kedua-dua kawasan mengenai lokasi MSC iaitu sebanyak 44.0% responden di kawasan luar bandar dan 43.3% responden di kawasan bandar. Lebih separuh responden di kawasan luar bandar iaitu sebanyak 51.4% dan 54.0% di kawasan luar bandar yang mengetahui tujuan penubuhan MSC. Responden di kedua-

dua kawasan mencatatkan pengetahuan yang amat rendah terhadap jenis-jenis syarikat yang bertapak di MSC iaitu sebanyak 7.3% responden di kawasan luar bandar dan 8.7% responden di kawasan bandar.

Berdasarkan jadual 4.16, hasil kajian mengenai projek MSC yang diketahui menunjukkan, terdapat responden hanya mengetahui satu, dua, tiga, empat sehingga sembilan projek MSC seperti yang ditunjukkan oleh jadual 4.15. Responden yang mengetahui satu aplikasi sahaja iaitu MyKad adalah paling tinggi berbanding aplikasi lain bagi kedua-dua kawasan iaitu 11.3% responden di kawasan luar bandar berbanding kawasan bandar sebanyak 5.3% responden manakala Sekolah Bestari pula mencatatkan peratusan kedua tertinggi iaitu sebanyak 9.3% responden bagi kawasan luar bandar dan 5.2% responden bagi kawasan bandar. Kombinasi atau gabungan projek MSC yang diketahui iaitu samada mengetahui dua, tiga, empat dan seterusnya sehingga sembilan projek secara keseluruhannya ialah 70.0% bagi kawasan bandar dan 80.8% bagi kawasan bandar.

Jadual 4.16 : Projek MSC yang diketahui

Perkara	Kawasan			
	Luar Bandar		Bandar	
	n	%	n	%
Sekolah Bestari	14	9.3	8	5.3
E-Kerajaan	3	2.0	5	3.3
E-Bisnes	-	-	1	0.7
MyKad	17	11.3	8	5.3
"Outsourcing"	1	0.7	1	0.7
Telekesihatan	-	-	1	0.7
Penyelidikan & Pembangunan (R&D)	2	1.3	-	-
Multimedia Kreatif	4	2.7	3	2.0
Pembangunan Usahawan Teknologi	1	0.7	1	0.3
Gabungan projek MSC yang diketahui	107	70.0	119	80.8
Tidak pasti	1	0.7	3	2.0

Walaupun gabungan ini nampak tinggi peratusannya tetapi gabungan projek MSC yang diketahui iaitu samada mengetahui dua, tiga, empat dan seterusnya sehingga sembilan projek adalah kurang dari 4.0%. Hanya kombinasi yang mengetahui tentang

dua projek paling tinggi ialah tentang maklumat Sekolah Bestari dan MyKad iaitu sebanyak 10.0% responden di kawasan luar bandar dan 12.7% responden di kawasan bandar. Begitu juga kombinasi Sekolah Bestari dengan E-Kerajaan dan MyKad mencatatkan 6.7% responden di kawasan luar bandar manakala 6.0% responden di kawasan bandar. Sementara itu kombinasi Sekolah Bestari dengan MyKad dan Telekesihatan yang diketahui oleh responden di kawasan luar bandar sahaja yang mencatatkan 6.7% responden.

4.3.9.5 Kefahaman bagaimana MSC dapat memberi manfaat dari segi sosial dan ekonomi

Penubuhan MSC memberikan pelbagai manfaat baik dari segi sosial dan ekonomi kepada masyarakat seperti yang ditunjukkan di dalam jadual 4.17. Daripada hasil kajian, data yang diperoleh menunjukkan bahawa responden bersetuju dengan pelbagai sumbangan yang telah di tawarkan oleh MSC. Ini dapat diperincikan seperti berikut. Lebih separuh responden di kedua-dua kawasan iaitu sebanyak 63.3% bagi kawasan luar bandar dan 58.0% responden di kawasan bandar yang menyatakan setuju manakala sebanyak 24.7% responden di kawasan luar bandar dan 20.7% responden di kawasan bandar amat setuju tentang kenyataan MSC telah menyumbang terhadap peningkatan prestasi kerja.

Begitu juga dengan kenyataan MSC telah menyenangkan usaha mengadakan penjaringan di kalangan rakan sekerja serta kontak dalam dan luar negara, lebih separuh responden di kawasan luar bandar iaitu sebanyak 50.7% dan hampir separuh responden di kawasan bandar iaitu 46.7% yang menyatakan setuju manakala sebanyak 33.3% responden di kawasan luar bandar dan 34.0% responden di kawasan bandar menyatakan amat setuju.

Kenyataan MSC telah memudahkan usaha mencari maklumat umum dan khusus untuk keperluan kerja pula mencatatkan 40.7% responden di kawasan luar bandar dan di kawasan bandar ialah 42.7% responden yang menyatakan setuju manakala separuh responden di kawasan luar bandar iaitu 50.0% dan 37.3% responden bagi kawasan bandar menyatakan amat setuju.

Lebih separuh responden di kedua-dua kawasan iaitu sebanyak 60.0% di kawasan luar bandar dan 50.7% responden di kawasan bandar yang menyatakan setuju manakala sebanyak 29.3% di kawasan luar bandar dan 28.7% responden di kawasan bandar amat setuju MSC telah memudahkan pencarian maklumat peringkat lokal dan global untuk keperluan kerja. Begitu juga dengan kenyataan MSC telah meninggikan status saya dan meletakkan saya dalam kategori orang berpengetahuan, lebih separuh responden di kawasan luar bandar iaitu sebanyak 56.0% dan hampir separuh responden bagi kawasan bandar iaitu 43.3% yang menyatakan setuju manakala sebanyak 23.3% responden di kawasan luar bandar dan 26.0% responden di kawasan bandar menyatakan amat setuju.

Kenyataan MSC telah membuka dunia baru kepada saya, menunjukkan lebih separuh responden di kawasan luar bandar iaitu sebanyak 63.3% dan hampir separuh responden di kawasan bandar iaitu 47.3% yang menyatakan setuju manakala sebanyak 22.0% responden di kawasan luar bandar dan 29.3% responden di kawasan bandar menyatakan amat setuju. Berbeza pula dengan kenyataan MSC membuat diri saya terasa bebas. Responden di kawasan luar bandar iaitu lebih 32.0% dan 34.7% responden di kawasan bandar menyatakan kurang setuju. Begitu juga dengan kenyataan MSC telah membuat manusia kurang bergaul. Responden di kawasan luar bandar iaitu 40.0% dan 34.70% responden di kawasan bandar menyatakan sangat tidak setuju. Secara umumnya lebih 80% responden di kawasan luar bandar dan bandar bersetuju bahawa secara umum MSC merupakan suatu perkara yang baik untuk masyarakat.

Jadual 4.17: Sumbangan MSC terhadap sosial dan ekonomi

Kenyataan	Sangat Tidak Setuju		Tidak setuju		Kurang Setuju		Setuju		Sangat Setuju	
	%		%		%		%		%	
MSC telah menyumbang terhadap peningkatan prestasi kerja.	4.0	6.0	1.3	5.3	6.7	10.0	63.3	58.0	24.7	20.7
MSC telah menyenangkan usaha mengadakan penjarangan di kalangan rakan sekerja serta kontak dalam dan luar negara.	2.0	4.0	6.0	6.7	8.0	8.7	50.7	46.7	33.3	34.0
MSC telah memudahkan usaha mencari maklumat umum dan khusus untuk keperluan kerja.	2.7	6.0	2.0	6.0	4.7	8.0	40.7	42.7	50.0	37.3
MSC telah memudahkan pencarian maklumat peringkat lokal dan global untuk keperluan kerja.	2.7	6.7	1.3	4.7	6.7	9.3	60.0	50.7	29.3	28.7
MSC telah meninggikan status saya dan meletakkan saya dalam kategori orang berpengetahuan.	2.7	4.7	5.3	4.0	12.7	22.0	56.0	43.3	23.3	26.0
MSC telah membuka dunia baru kepada saya.	4.0	4.0	3.3	3.3	7.3	16.0	63.3	47.3	22.0	29.3

MSC membuat diri saya terasa bebas.	10.0	8.0	20.0	14.7	32.0	34.7	28.7	32.0	9.3	10.7
MSC telah membuat manusia kurang bergaul.	40.0	34.0	25.3	27.3	21.3	20.7	8.7	14.0	4.7	4.0
Secara umum MSC merupakan suatu perkara yang baik untuk masyarakat.	2.0	7.3	0.7	4.0	5.3	6.0	43.3	31.3	48.7	51.3

Petunjuk:

☐	Kawasan Luar Bandar	☒	Kawasan Bandar
--------------------------	---------------------	-------------------------------------	----------------

4.3.10 Cadangan responden untuk mempertingkatkan pengetahuan masyarakat mengenai MSC

Kajian yang telah dijalankan telah menyenaraikan cadangan-cadangan responden untuk mempertingkatkan pengetahuan masyarakat mengenai MSC antaranya seperti berikut:

- i. Mengadakan dan memberikan ceramah tentang MSC di sekolah-sekolah.
- ii. Membuat iklan tentang MSC secara meluas di media elektronik dan cetak.
- iii. Mengedarkan buku khas tentang MSC di kawasan bandar dan luar bandar.
- iv. Membuat kaji selidik MSC di kawasan luar bandar.
- v. Mengadakan kempen celik IT di seluruh Malaysia termasuk kawasan bandar dan luar bandar.
- vi. Mengadakan kempen MSC kepada pelajar di seluruh negara.
- vii. Mengadakan kempen tentang kepentingan MSC.
- viii. Melaksanakan aplikasi MSC ke kawasan luar bandar.

- ix. Membuat lawatan sambil belajar ke MSC.
- x. Mangadakan pameran berkenaan MSC.
- xi. Sentiasa melayari internet untuk mengetahui maklumat mengenai MSC.

4.4 Rumusan analisis data

Secara keseluruhannya hasil kajian mendapati pelajar sekolah menengah kawasan luar bandar dan bandar di Kelantan menyedari tentang kewujudan MSC. Ini dapat dilihat lebih 50% responden di kedua-dua kawasan mengetahui tentang latar belakang MSC serta aplikasi perdana yang dilaksanakan melalui MSC. Kesedaran terhadap MSC oleh pelajar sekolah menengah mungkin disebabkan mereka banyak mendapat maklumat daripada media elektronik dan media cetak.

Kajian yang dijalankan juga mendapati pelajar sekolah menengah di kedua-dua kawasan adalah tergolong dalam kumpulan celik ICT selaras dengan pelaksanaan MSC yang mementingkan kewujudan masyarakat bermaklumat. Ini dapat dilihat melalui kadar penggunaan komputer yang tinggi di kalangan pelajar walaupun bilangan pelajar sekolah menengah yang mempunyai komputer peribadi adalah rendah. Mereka juga bersetuju dan beranggapan projek MSC yang dilaksanakan oleh kerajaan adalah sesuatu yang amat baik dan dapat memberi manfaat dari segi sosial dan ekonomi kepada masyarakat.